



## **PERUTUSAN TAHUN BARU 2012**

### **KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan iradahnya, kita semua warga perhutanan JPSM terus maju ke hadapan melangkah masuk ke tahun baru 2012. Tahun 2011 telah berlalu meninggalkan kita dengan pelbagai rakaman peristiwa dan pencapaian yang boleh kita jadikan landasan penting untuk Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) terus memacu ke hadapan sebagai sebuah Agensi Kerajaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang pada tahun-tahun ke hadapan menjelang Tahun 2020. Semua warga perhutanan JPSM diseru terus membulatkan tekad untuk merealisasikan wawasan JPSM “Untuk Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan”, seiring juga dengan Wawasan Kerajaan Malaysia untuk menjadikan Negara ini mencapai status Malaysia Negara Maju pada Tahun 2020.

Sesungguhnya Organisasi JPSM yang sediada, samada di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan mahupun Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri perlu memantap dan mengukuhkan lagi barisan kita untuk bekerja dengan lebih tekun serta bersungguh-sungguh bagi melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada diri masing-masing dan sekaligus bersedia menghadapi dan seterusnya menangani pelbagai isu dan cabaran baru perhutanan semasa. Dalam masa itu, semua warga perhutanan JPSM diseru supaya melaksanakan “Tranformasi Minda” untuk terus komited dan melaksanakan pelbagai program/projek/aktiviti perhutanan ke arah terus memperkasakan pelaksanaan sepenuhnya amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi memastikan sumber hutan Negara terus menerus memainkan peranan dan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara kita.

Khazanah Hutan Tropika Negara kita akan terus dipastikan kekal menyumbangkan kepada kesejahteraan masyarakat setempat mahupun antarabangsa. Tempoh RMK-10: 2011-2015 adalah merupakan juga tahun-tahun penting pelaksanaan program/projek membantu pencapaian wawasan Negara Malaysia Maju 2020. Dari perspektif pelaksanaan program/projek Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10:2011-2015), peruntukan pembangunan bagi Tahun 2011 yang berjumlah RM10,860,000.00 telah dibelanjakan dengan jayanya 100% bagi melaksanakan sebanyak tujuh (7) projek utama. Sementara itu, sejumlah RM18,465,000.00 peruntukan pembangunan pula telah diperuntukkan untuk melaksanakan sebanyak enam (6) projek utama bagi Tahun 2012.

Tahun 2012 adalah merupakan tahun kedua tempoh RMK-10 dan pelbagai program/projek/aktiviti perhutanan juga sudah digubal untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar seluruh warga perhutanan JPSM di semua peringkat supaya terus bekerja kuat dengan penuh iltizam, bersemangat waja, tidak mudah luntur dan mempunyai kekuatan mental dan fizikal serta mematuhi segala peraturan-peraturan Kerajaan sewaktu melaksanakan tugas masing-masing. Saya juga menyeru kepada semua warga perhutanan JPSM agar terus tekad untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan menghasilkan kerja yang berkualiti serta sentiasa menjaga imej dan kewibawaan JPSM di mata masyarakat umum. Saya amat berkeyakinan penuh bahawa – “Anda Boleh, Saya Boleh, Kita Boleh dan JPSM Boleh”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Wabarakatuh.



**DATO' DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia